

07 SEP 1996
Anwar-Arahan

UMNO PULAU PINANG SOKONG KEPUTUSAN MAJLIS TERTINGGI

PULAU PINANG, 7 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang akan mengambil tindakan terhadap anggota-anggotanyanya yang engkar terhadap keputusan Majlis Tertinggi (MT) yang melarang sebarang bentuk kempen atau perjumpaan secara individu oleh wakil calon atau calon-calon yang hendak bertanding pada pemilihan Oktober ini.

Timbalan Pengerusi badan itu Datuk Dr Ibrahim Saad berkata, keputusan itu dibuat oleh badan perhubungan pada mesyuaratnya yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Negeri di sini, malam ini.

Menurut Ibrahim, Anwar memandang serius perkara itu dan mahu semua anggota Umno negeri ini mematuhi arahan itu.

Selain itu, Badan Perhubungan Umno Negeri juga membuat ketetapan untuk menyokong keputusan MT mengenai larangan berkempen serta pandangan Perdana Menteri terhadap kenyataan akhbar Singapura, katanya kepada pemberita.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Singapura tidak sepatutnya menjadikan Malaysia sebagai alat untuk menakut-nakutkan rakyatnya dengan apa tujuan sekalipun, termasuk kemungkinan untuk mengukuhkan kedudukan parti yang memerintah republik itu.

Mengenai status Umno Bahagian Tanjung, Ibrahim yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, mesyuarat memutuskan bahawa segala urusan berkaitan mesyuarat serta keanggotaan bahagian itu akan diputuskan selepas perhimpunan agung Umno bulan depan.

Keputusan sama ada bahagian itu akan dibubarkan juga akan dibuat setelah segala maklumat mengenai keanggotaan dan bilangan cawangan yang ada dalam bahagian itu diketahui, katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, 10 orang anggota jawatankuasa bahagian itu akan dijemput sebagai pemerhati pada perhimpunan bulan depan. --
BERNAMA

RA PR